


FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

ZARINA BTE OTHMAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 92

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG.

oleh

ZARINA BTE OTHMAN

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyelia

30 Mac. 1992

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

30 Mac 1992

Tarikh

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

FUNGSI UNDANG DALAM ADAT PERPATIH
DI SUNGAI UJONG

OLEH

ZARINA BTE OTHMAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANAMUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1992

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

31 Mac. 1992.

Tarikh



ZARINA BTE OTHMAN

(Tandatangan dan Nama Calun)

PENGHARGAAN

Syukur saya ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan hidayatnya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Di ruang ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Drs. Lokman Md. Zen selaku Penyelia yang telah banyak membimbing dan menunjuk ajar dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Tuan Hj Muhammad Tainu, Pengarah Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Datuk Johan Razali Khalid kerana telah banyak membantu saya mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada keluarga dan suami saya Encik Zainal Abidin Ramli yang banyak berkorban dan membantu hingga Latihan Ilmiah ini selesai dan tidak lupa juga kepada Encik Md Noor Dame yang telah menaip Latihan Ilmiah ini dengan sabar hingga sempurna.

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA

SINOPSIS

Kajian ini adalah meliputi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Bab I merupakan pengenalan dalam sistem Adat Perpatih yang meliputi kehidupan politik, ekonomi dan sosial. Di samping menerangkan hubungan antara Minangkabau dengan Negeri Sembilan serta asal-usul Adat Perpatih. Di dalam Bab II diterangkan tentang dasar pemerintahan Adat Perpatih yang diamalkan di empat buah luak. Juga menerangkan organisasi Lembaga Adat Perpatih serta menunjukkan sifat-sifat yang perlu ada pada pemimpin-pemimpin adat. Bab III khusus menerangkan Sistem Undang di Luak Sungai Ujong. Ini termasuk cara pemilihan dan perlantikan Undang, bagaimana gelaran Datuk Kelana Putera itu didapati dan menerangkan fungsi serta ketetapan Undang pada masa dahulu dan masa kini. Bab IV pula lebih menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem perundangan dan maksud serta tujuan diadakan Undang-undang Adat di Sungai Ujong. Manalaka Bab V menerangkan mengapa dan bagaimana krisis pemilihan dan pelantikan Undang Luak Sungai Ujong itu berlaku, sehingga sukar untuk menyelesaikan dan sukar untuk memilih bakal-bakal calun Undang Luak Sungai Ujong. Di samping itu penulis juga ada melahirkan beberapa cadangan yang mungkin boleh dibuat panduan untuk generasi-generasi akan datang. Akhir sekali merupakan kesimpulan tentang kekecuaan dalam pemilihan dan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong.

KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi

PENDAHULUAN

0.1	LATAR BELAKANG	ix
0.2	MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN	xiii
0.3	KEGUNAAN KAJIAN	xiii
0.4	METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN	xiv
0.5	SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA	xv
0.6	LOKASI KAJIAN	xv

BAB I : PENGENALAN ADAT PERPATIH

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	BAHAGIAN-BAHAGIAN ADAT DI MINANGKABAU	4
1.1.1	Adat Nan Sabana Adat	5
1.1.2	Adat Nan Diadakan	6
1.1.3	Adat Nan Teradat	7
1.1.4	Adat Istiadat	8
1.2	ASAL-USUL ADAT MINANGKABAU	9

1.3	HUBUNGAN MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN ...	12
1.4	ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN	18
1.5	SISTEM HUKUM ADAT PERPATIH	23
1.6	SISTEM KEKELUARGAAN ADAT PERPATIH	31
1.6.1	Keluarga Sedarah Senisab Ibu	32
1.6.2	Keluarga Sekedim	34
1.6.3	Keluarga Sedarah Sebelah Bapa	36
1.6.4	Keluarga Semenda	36
 BAB II : SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH		
2.1	DASAR PEMERINTAHAN ADAT	40
2.2	STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA ADAT PERPATIH	42
2.2.1	Luak Sungai Ujong	43
2.2.2	Luak Jelebu	47
2.2.3	Luak Rembau	50
2.2.4	Luak Johol	51
2.3	PEMILIHAN PEMIMPIN/UNDANG	53
2.4	TUGAS-TUGAS PEMIMPIN	59
2.5	SIFAT-SIFAT PEMIMPIN	61
2.5.1	Ekonomi	62
2.5.2	Kesihatan Badan	62
2.5.3	Budi	63
2.5.4	Akal	65
2.6	JENIS-JENIS PEMIMPIN	66
 BAB III : UNDANG SUNGAI UJONG		
3.1	SEJARAH UNDANG SUNGAI UJONG	70
3.2	GELARAN DATUK KLANA PUTERA	72

3.3	WARIS UNDANG SUNGAI UJONG	74
3.4	CARA LUAK SUNGAI UJONG MEMILIH DATUK KLANA	80
3.5	FUNGSI DAN KETETAPAN UNDANG	82
3.6	FUNGSI UNDANG MASAKINI	89
BAB IV : PERUBAHAN DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG		
4.1	MAKSUD DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI SUNGAI UJONG	93
4.2	FAKTOR PERUBAHAN UNDANG-UNDANG ADAT DI SUNGAI UJONG	102
4.2.1	Politik	103
4.2.1	Ekonomi	105
4.2.3	Pendidikan	106
4.3	PEGANGAN UNDANG MENURUT ADAT	107
BAB V : PENUTUP		
5.1	KRISIS PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN UNDANG SUNGAI UJONG	117
5.2	CADANGAN	124
5.3	KESIMPULAN	130
GLOSARI		133
BIBLIOGRAFI		134

PENDAHULUAN

0.1 LATARBELAKANG

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, Adat itu adalah peraturan hidup di dalam dunia. Seperti kata perbilangan,

Hidup dikandung adat

Mati dikandung tanah

Tujuan Adat ialah untuk kebaikan. Adat dapat menimbulkan yang baik dan menghilangkan yang buruk. Menurut Hazairin,

"Adat adalah renapan kesusilaan dalam masyarakat"

(Abdullah Sidik, 1975)

Peraturan dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan sekarang dibahagikan kepada dua:

1. Fundamental
2. Tidak Fundamental

Fundamental sifatnya ialah yang boleh diubah-ubah mengikut keadaan, seperti yang terkandung di dalam perbilangan Adat,

Usang-usang diperbaharui

Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai

Yang buruk dibuang

Kalau singkat minta disambung

Kalau panjang minta dikerat

Kalau koyak minta ditampal

Ibu Adat muafakat.

Manakala yang tidak fundamental pula ialah sesuatu yang kekal serta tidak boleh berubah yakni peraturan hidup yang bersandarkan Syara'. Kata perbilangan,

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Syara'

Syara' mengata Adat menurut

(Ab. Samad Idris, 1987 : 2)

Sistem sosial masyarakat Negeri Sembilan memang tidak berbeza dengan sistem sosial di tanah Minangkabau, berhubung dengan nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai tentang kaum perempuan, nilai tentang individu serta susunlapis pemerintahan.

Ditinjau dari segi keturunan atau segi kekeluargaan, masyarakat Adat Perpatih memakai sistem kekeluargaan yang utiliteral atau unilineal dan yang matrilineal. Dengan dasar masyarakat utiliteral-matrilineal maka timbullah sistem bersuku. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku dalam masyarakat Adat Perpatih ini, suku-suku ini ialah,

1. Suku Biduanda
2. Suku Batu Hampar
3. Suku Tanah Datar
4. Suku Tiga Batu

5. Suku Sri Lemak
6. Suku Sri Melenggang
7. Suku Paya Kumbuh
8. Suku Mungkal
9. Suku Batu Belang
10. Suku Tiga Nenek
11. Suku Anak Aceh
12. Suku Anak Melaka

Menurut Prof. M.A. Hanafiah mengenai pengertian suku di Minangkabau seperti berikut:

"Kesatuan kelompok manusia yang terkecil di Minangkabau adalah ibu dengan anak-anak, anak-anak itu namanya seibu dalam bahasa daerah satuande atau semandai. Yang mengepalai unit ini bukan bapak dari anak-anak, melainkan saudara lelaki dari siibu umumnya yang tertua. Anak daripada saudara perempuan itu adalah kemanakannya dan oleh anak itu dipanggil mamak".

Sistem politik Adat Perpatih juga teguh dengan amalan demokrasi yang teratur. Pemerintahan yang pertama sekali terletak dalam tangan mamak, kemudian ketua perut (buapak), kemudian ketua suku (lembaga), kemudian ketua luak (Undang) dan ahkir sekali ketua negeri (Yang Di Pertuan Negeri).

Buapak dipilih dan dilantik oleh mamak, lembaga dipilih dan dilantik oleh buapak, Undang dipilih dan dilantik

oleh Lembaga, Yam Tuan dipilih dan dilantik oleh Undang. Ini ada dicatat di dalam perbilangan adat:

Raja menobat dalam alamnya

Undang menobat dalam luaknya

Lembaga menobat dalam lingkungannya

Buapak menobat pada anak buahnya

Orang banyak menobat dalam terataknya

Jadi sistem pemerintahan menurut konsep am Adat Perpatih adalah sistem demokrasi. Menurut R.J Wilkinson mengenai Adat Perpatih sebagai satu adat yang demokrasi seperti berikut:

"The Adat Perpatih is democratic, it addresses itself to the commons and finds expression in quaint saying that seem to belong to the homely province of proverbial philosophy"

(R. J Wilkinson, 1908 : Hal. 7)

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang Di Pertuan Besar biasanya dikenali sebagai Yam Tuan. Dalam perbilangan adat, Baginda disifatkan sebagai keadilan menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesaian dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah adat. Peranan ini jarang sekali Baginda ialah sebagai lambang kesatuan dan persekutuan di Negeri Sembilan. Baginda dipilih dan dilantik dari kerabat diraja.

Diantara luak-luak yang terdapat di Negeri Sembilan ada empat luak yang dianggap utama iaitu Luak Sungai Ujong, Luak Jelevu, Luak Johol dan Luak Rembau. Ketua bagi tiap-tiap luak ini digelar Undang. Di dalam tiap-tiap Luak ini ada satu suku yang diberi keistimewaan mencalonkan Undang atau penghulu daripada anggotanya. Umumnya suku istimewa ini ialah suku Biduanda. Ketua suku ialah lembaga segala hal ehwal suku adalah dalam lingkungan jagaannya.

0.2 MAKSUD DAN TUJUAN KAJIAN

Adapun maksud dan tujuan kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui amalan Adat Perpatih ini dengan lebih mendalam lagi.
2. Untuk mengetahui apakah amalan fungsi Undang ini masih diamalkan hingga sekarang.
3. Untuk mengetahui sejauhmana fungsi Undang ini difahami oleh masyarakat Adat Perpatih.

0.3 KEGUNAAN KAJIAN

Bermula dengan maksud dan tujuan kajian, maka kegunaan kajian ini adalah:

1. Untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat dengan Adat Perpatih. Ini dapat membantu dan memberi panduan kepada generasi baru.

2. Untuk mendapatkan fungsi sebenar pemimpin-pemimpin adat agar nanti boleh dijadikan rujukkan.
3. Untuk menerangkan kepada masyarakat luar tentang kekeliruan dan anggapan-anggapan mereka yang tidak menyenangkan terhadap Adat Perpatih ini.

0.4 METHOD DAN TEKNIK PENELITIAN

Di sini method kajian dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. Melalui temubual (wawancara)
2. Melalui pemerhatian
3. Melalui pembacaan

Wawancara dibuat dengan individu yang terlibat secara langsung di dalam struktur adat, iaitu berhubung langsung dengan dato'-dato' adat. Di samping itu menemubual beberapa orang yang tahu selok belok Adat ini.

Melalui pembacaan penulis menggunakan kemudahan perpustakaan dan pembacaan berkisar dari majalah yang berbentuk budaya.

0.5 SUMBER DAN PENGUMPULAN DATA

Sumber data dan pengumpulan data didapati:

I. Perpustakaan

1. Perpustakaan Tun Sri Lanang, U.K.M
2. Perpustakaan Institut Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, U.K.M
3. Perpustakaan Yayasan Negeri Sembilan, Seremban
4. Perpustakaan Awam Hulu Langat, Kajang

II. Maklumat dari Bahagian Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan

0.6 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dibuat khusus di dalam Luak Sungai Ujong disamping Luak-luak lain secara am.

Melihat contoh pada yang lampau
Melihat tuah pada yang menang
Usang-usang diperbaharui

Yang lapuk disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang

Yang senteng dilabuhkan
Yang panjang dikerat
Yang rumpang disisit
Ibu adat ialah muafakat
Tak ada keruh yang tak jernih
Tak ada kusut yang tak selesai
Asal saja bersetuju
Jumpa benar jangan disiaahkan

BAB 5

PENUTUP

5.1 KRISIS PEMILIHAN DAN PERLANTIKAN DATUK KELANA UNDANG LUAK SUNGAI UJONG

Undang Luak Sungai Ujong yang ke-9 ialah Datuk Kelana Putera Mohamad Kassim bin Datuk Nika Haji Abdul Rashid meninggal dunia pada 28hb. Oktober 1983.

Bermula dari sini telah timbul masalah di dalam pemilihan dan perlantikan Undang Luak yang ke-10. Krisis ini berlanjutan sehingga 9 tahun dan kekosongan ini masih tidak terisi lagi.

Aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 adalah menjadi hak mutlak anak-anak waris di Darat daripada perut hulu dan hilir manakala Lembaga yang bertanggungjawab ialah Datuk Andika Mendelika.

Keputusan yang telah dibuat ialah menggilirkan pesaka Datuk Kelana Putera ke-10 kepada perut hulu adalah selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh anak-anak waris negeri Luak Sungai Ujong daripada Cerak di Darat dan di Air. Keputusan telah dibuat oleh anak-anak waris sendiri yang memutuskan dalam dua kerapatan adat pada tahun 1984 bahawa pesaka Datuk Kelana Putera Ke-10 hendaklah digilirkan kepada perut

hulu kerana Undang ke sembilan adalah daripada perut hilir. Keputusan ini kemudian mendapat restu dan pengesahan dari Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan selaku badan tertinggi yang bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran Adat Perpatih di Negeri Sembilan (Berita Harian, 11 Mac 1988: 11).

Perbalahan timbul dikalangan Waris hulu yang terdiri daripada empat rumpun perut kerana mereka mendakwa perut masing-masing berhak menyandang pesaka itu. Waris hulu terdiri daripada empat rumpun iaitu:

1. Rumpun Tinggang
2. Rumpun Nyonyoi
3. Rumpun Bayu
4. Rumpun Dusun

Di antara keempat-empat rumpun ini telah memilih calon masing-masing untuk mengisi kekosongan jawatan Undang dan mempunyai alasan masing-masing untuk mendapatkan jawatan tersebut. Misalnya, Rumpun Tinggang dan Rumpun Dusun mendakwa bahawa mereka berhak mengisi jawatan Undang pada musim ini kerana rumpun mereka tidak pernah menyandang pesaka itu sejak ia wujud lebih 500 tahun lalu. Begitu juga dengan rumpun Nyonyoi telah dianaktirikan dalam soal perlantikan Undang ini. Malah ketiga-tiga rumpun ini dikatakan hanyalah waris Lingkungan yang tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putera.

Mengikut waris-waris Nan Tertua Di Darat, salasilah Waris Kelana Luak Sungai Ujong tidak pernah menggariskan bahawa anak-anak waris perut hulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi adalah waris negeri yang sah. Anak-anak waris daripada ketiga-tiga rumpun berkenaan dikenali sebagai waris Lingkungan dan dengan itu mereka tidak berhak menyertai urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10. Dengan ini juga mereka tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana ke-10, menurut waris Nan Tertua juga, tidak pernah tercatat di dalam Salasilah Waris Kelana Luak Sungai Ujong, anak-anak waris perut hulu daripada ketiga-tiga rumpun ini anak-anak waris negeri yang sah.

Krisis bermula bagi menentukan rumpun manakah yang berhak menyandang pesaka Undang ini. Keempat-empat rumpun bertelingkah menentukan dan menganggap rumpun mereka masing-masing yang berhak. Malah ada antara rumpun-rumpun tersebut mencari kesalahan-kesalahan antara satu sama lain untuk menunjukkan rumpun mereka lebih berhak menyandang pesaka Undang tersebut.

Di dalam pemilihan Undang ini mengikut Waris Nan Tua hanya Rumpun Bayu sahaja yang layak memilih calon kerana mereka adalah waris yang sah iaitu Waris Negeri (Wawancara Razali Khalid, Nov. 1991). yang bukan waris Lingkungan.

Akibat dari pemilihan Undang mengikut rumpun ini berlaku pertelingkahan di dalam rumpun anak waris itu sendiri. Mereka telah mencari kesalahan masing-masing malah

berlaku tuduh menuduh. Ini menyebabkan berlaku kekecohan dalam perut hulu itu sendiri dalam menentukan waris Undang yang sebenar (Wawancara Muhamad Tainu, Feb. 1992).

Ekoran dari menentukan waris manakah di dalam perut hulu yang layak menjadi Undang ini, timbul pula tuduhan mengatakan bahawa Teromba Luak Sungai Ujong telah dipalsukan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Anak-anak waris Perut hulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi telah mendakwa sekumpulan anak-anak waris tertentu daripada perut itu cuba memalsukan Teromba Luak Sungai Ujong untuk kepentingan sendiri (Berita Harian, 17.9.1987 : 13). Anak-anak waris Rumpun Tinggang telah mendakwa bahawa Teromba asal Luak Sungai Ujong telah dipalsukan semasa pemerintahan Datuk Kelana Putera Makmur. Akibat dari pemalsuan ini telah menjadikan mereka serta anak-anak waris Rumpun Dusun dan Nyonyoi sebagai waris Lingkungan serta hilang kelayakan mereka untuk menyandang Pesaka Datuk Kelana Putera ke-10.

Kedadaan bertambah rumit apabila waris-waris daripada perut hilir pula bersuara mengatakan pesaka datuk kelana adalah menjadi ^{anak} mereka pula. Perasaan tidak puas hati di kalangan anak-anak waris dari perut hulu masih belum dapat diselesaikan timbul pula masalah dari perut hilir. Kedadaan ini tambah meributkan lagi suasana pemilihan Datuk Kelana Putera tersebut. Anak-anak waris dari perut hilir pula telah mengemukakan beberapa sebab yang mengatakan mereka berhak menyandang pesaka Datuk Kelana Putera kali ini. Malah anak-

anak waris dari perut hilir ini cuba untuk menyangkal segala keputusan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan. Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan sebenarnya telah merestui bahawa giliran kali ini adalah giliran perut hulu yang menyandang pesaka Datuk Kelana Putera memandangkan sebelumnya iaitu Datuk Kelana Putera yang ke-9 adalah dari perut hulu. Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan menetapkan keputusannya berlandaskan kepada aturan adat yang mengatakan pesaka Datuk Kelana Putera hendaklah digilirkan antara perut hulu dan perut hilir (Berita Harian, 13.12.1986 : 12-13).

Krisis perlantikan Undang ini nampaknya berlarutan memandangkan anak-anak waris dari kedua-dua perut telah tidak lagi patuh kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, terutamanya anak-anak waris dari perut hilir. Mereka mengatakan bahawa perut hulu telah menyandang pesaka Undang sebanyak lima kali berbanding dengan perut hilir sebanyak empat kali. Oleh itu adalah adil jika kali ini pesaka Undang tersebut digilirkan kepada perut hilir. Mereka berlandaskan kepada kata adat iaitu:

Kalau timbang sama berat

Memberi sama rata

Menghukum hendaklah adil

Mengagih sama banyak.

Jika pesaka Undang tersebut digilirkan kepada perut hilir ini bermakna kedua-dua perut berpeluang

menyandang pesaka Undang sebanyak lima kali, ini dianggap adil.

Menurut anak-anak waris dari perut hilir pesaka Datuk Kelana ini tidak semestinya digilirkan antara kedua perut, mereka mengambil contoh yang berlaku pada tahun 1780, 1850 dan 1881. Pada tahun-tahun yang disebutkan itu pesaka Datuk Kelana Putera telah disandang oleh waris dari perut hulu berturut-turut. Contohnya:

- i. Datuk Kelana Bador daripada perut hulu dan apabila beliau meninggal pada tahun 1780 pesaka Undang disandang oleh Datuk Kelana Leha juga dari perut hulu.
- ii. Pada tahun 1850 pesaka Undang kelima disandang oleh Datuk Kelana Sendeng daripada perut hulu, beliau menggantikan Undang keempat Datuk Kelana Kawal yang juga daripada perut hulu.

(Berita Harian, 12.12.1987: 14)

Di samping tuntutan yang berkaitan dengan giliran timbul pula masalah tentang "cacat" di dalam waris. Antara perut hulu dan perut hilir berlaku tuduh menuduh bahawa tiap-tiap waris ada "cacatnya". Soal cacat ini mula ditimbulkan oleh perut hilir apabila mereka mengatakan bahawa perut hulu cacat di segi adat. Menurut aturan adat Luak Sungai Ujong, menggariskan bahawa bahawa seseorang yang cacat sama ada cacat anggota atau melakukan perbuatan sumbang di segi

adat termasuk dipecat dari sesuatu jawatan dengan sendirinya hilang kelayakan untuk menyandang sebarang pesaka. Berdasarkan kepada aturan inilah anak-anak waris negeri daripada perut hilir mengatakan bahawa perut hulu tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana kerana mereka tidak mempunyai seorang Tua Waris yang sah. Tuduhan yang dilemparkan itu ditangkis dengan tuduhan lain dari perut hulu pula. Perut hulu juga mempersoalkan tentang kecacatan perut hilir .

Persoalan ini mungkin tidak akan selesai jika berlaku tuduh menuduh di dalam waris. Malah ini akan lebih memburukkan lagi keadaan kerana masalah yang kecil yang boleh diselesaikan di dalam waris akan menjadi lebih besar.

Mengikut Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, perut hulu layak menerima giliran pesaka Undang yang ke-10. Oleh itu perut hilir tidak perlu menghantar nama calon kepada Dewan Keadilan. Apa yang berlaku perut hilir juga telah turut menghantar nama calon Undang seperti perut hulu. Langkah ini menggambarkan bahawa perut hilir juga cuba untuk merebut jawatan tersebut. Mereka telah engkar dengan keputusan yang telah dibuat bersama di antara perut hulu dan perut hilir mengenai perkara perlantikan Undang. Selain itu krisis ini berlarutan kerana Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai juga tidak bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini malah ada di antara Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai mempunyai pendapat yang berbeza dan ada juga dikalangan mereka yang hanya mementingkan diri sendiri.

5.2 CADANGAN

Krisis perlantikan Undang Sungai Ujong ini mungkin sukar untuk diselesaikan sekiranya pihak-pihak yang berkenaan tidak mahu bertolak ansur di antara satu sama lain. Anak-anak waris sepatutnya bermuafakat mengikut kata adat:

Kita jangan tinggal meninggal

Jangan cicir mencicir

Hidup sewaris laksana

Telur bersangkar

Pecah sebiji pecah semua

Hina seorang hina semua

Mulai seorang mulia semua

Hanyut sama dipintasi

Lulus sama diselami

Cicir sama rugi

Dapat sama berlaba

Jika Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah menetapkan musim ini perut hulu yang menerima pesaka Undang maka anak-anak waris mesti patuh kepada keputusan tersebut. Persoalannya timbul mengapa ada pihak waris engkar terhadap keputusan tersebut. Dewan Keadilan pula tidak tegas di dalam membuat keputusan. Ini dapat dilihat apabila Dewan Keadilan menetapkan perut hulu menyandang pesaka Datuk Kelana maka sepatutnya hanya perut hulu sahaja yang perlu menghantar nama-nama calon tetapi sebaliknya perut hilir juga turut menghantar nama-nama calon dan diberi layanan. Sepatutnya

Dewan Keadilan sepatutnya tidak boleh menerima nama-nama calon perut hilir kerana Dewan telah menetapkan hanya perut hulu sahaja yang berhak mengikut giliran.

Manakala pertelingkahan di dalam perut hulu pula perlu diselesaikan dengan cara muafakat kerana kata adat ada mengatakan:

Bulat air kerana pembuluh

Bulat manusia kerana muafakat

Tua Waris daripada perut hulu mestilah menyusun anak-anak buahnya dari Rumpun-rumpun Tinggang, Dusun, Nyonyoi dan Bayu. Tua Waris sepatutnya berkuasa dan kata-katanya mesti dipatuhi oleh anak buahnya. Keempat-empat rumpun ini mesti akur kepada Tua Waris sebagai pemimpin mereka dan kata-kata Tua Waris perlu dihormati. Jika kata-kata itu diengkari ini bermakna anak-anak waris tidak tahu adat, orang beradat mesti tahu adat.

Jika anak-anak waris tahu adat dan beradat soal kepalsuan Teromba Luak Sungai Ujong tidak akan timbul. Oleh kerana anak-anak waris sudah tiada adat maka mereka tidak segan silu dan tidak hormat kepada Datuk Kelana malah melemparkan tuduhan bahawa Datuk Kelana Putera Makmur bersubahat memalsukan Teromba Luak Sungai Ujong.

Peristiwa ini amat memalukan anak-anak waris malah melalui peristiwa ini seolah-olah anak-anak waris "membuka pekung di dada". Mereka bukan sahaja menuduh kepada rumpun-

rumpun yang ada tetapi tergamak menuduh Raja di dalam Luak mereka sendiri. Persoalannya timbul dimanakan letaknya kekuasaan dan ketokohan seorang Undang atau Raja di dalam Luak apabila anak-anak waris bersikap kurang sopan.

Persoalan juga timbul apakah tujuan sebenar anak-anak waris ingin menyandang pesaka Undang ini?. Adakah untuk memimpin dengan ikhlas anak-anak buahnya agar hidup aman damai mengikut aturan adat Luak Sungai Ujong atau merebut jawatan untuk kepentingan sendiri yang lebih bersifat materialistik.

Jika anak-anak waris ingin menyandang pesaka Undang dengan tujuan untuk memimpin secara ikhlas bagi mengatur anak buahnya, maka tidak perlu berjuang untuk mendapatkan jawatan itu dengan tuduh menuduh dan memburuk-burukkan orang lain sehingga mengumpat dan memburuk-burukkan orang yang telah tiada. Mengikut agama orang-orang yang hidup tidak sepatutnya menceritakan keburukan orang yang telah tiada. Keadaan ini secara langsung dapat menunjukkan bahawa mereka yang memburuk-burukkan dan tuduh menuduh ini tidak layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putera Sungai Ujong. Mengikut adat seseorang yang menyandang jawatan Datuk Kelana mestilah bijak dalam pengetahuan agamanya. Ini kerana Undang merupakan ketua agama di dalam Luak masing-masing.

Lazimnya jika sesuatu jawatan itu mempunyai kepentingan sendiri, mereka akan merebutnya tanpa memperdulikan batas-batas yang ditentukan. Oleh itu anak-anak waris

seharusnya tidak memikirkan diri sendiri sehingga keadaan menjadi bertambah buruk lagi. Anak-anak waris sepatutnya jangan meninggalkan hukum-hukum agama kerana hidup di dunia hanya sementara, segala kemewahan akan ditinggalkan dan tidak dapat membantu apabila mati kelak.

Di samping itu anak-anak waris dari perut hilir juga tidak ketinggalan ingin menyandang pesaka Datuk Kelana ini, walaupun Dewan Keadilan telah menentukan giliran perut hulu. Sepatutnya perut hilir mestilah patuh kepada keputusan tersebut. Walaupun pemilihan dan perlantikan Undang pada masa yang lalu ada yang tidak mengikut giliran seperti yang telah dibuktikan oleh perut hilir.

Anak-anak waris dari perut hilir perlu menyoal diri mereka sendiri mengapa ada perlantikan Undang pada masa lalu yang tidak mementingkan kepada giliran?. Jika anak-anak waris daripada perut hilir arif tentang adat, mereka akan dapat memikirkan mengapa terjadi demikian di dalam perlantikan Undang pada masa yang lalu.

Bagi membentangkan persoalan ini kita perlu meneliti keadaan masyarakat (anak-anak waris) pada masa lalu. Keadaan ini tidak akan terjawab jika kita membandingkan dengan masyarakat (anak-anak waris) masakini.

Anak-anak waris pada masa lalu berpegang kuat kepada adat. Sebarang masalah yang timbul di dalam adat akan diselesaikan mengikut adat dan muafakat seperti kata adat

berikut:

Cari-carikan di dalam anak buah
Kusut menyelesaikan kepada ibu bapa
Tiada habis pada ibu bapa
Pulangan kepada tua
Iaitu salah memberi benar
Berhak kepada tua
Tiada habis kepada tua
Sampaikan kepada Lembaga
Jika bertukul ditarah
Kesat dimempelasi oleh Lembaga
Jika habis pada Lembaga
Kata sudah perbuatan habis
Jika tidak habis pada Lembaga
Sampaikan kepada Undang
Iaitu keras minta ditakek
Tinggi minta disigaikan pada Undang
Sah benar pada Lembaga
Hidup mati kepada Undang
Tali pengikat pada Lembaga
Keris penyalang pada Undang
Pedang pemancung pada keadilan.

Anak-anak waris pada masa lalu patuh dan hormat kepada pemimpin. Segala kata-kata pemimpin menjadi tanggung jawab mereka untuk melaksanakannya. Jika mereka engkar kepada pemimpin mereka akan terasing dalam masyarakat adat.

Kedadaan inilah yang memudahkan anak-anak waris pada masa lalu memilih Datuk Kelana Putera. Mereka taat kepada keputusan yang telah dibuat melalui muafakat dengan tua-tua waris. Oleh itu tidak timbul soal giliran siapakah yang perlu menyandang pesaka Datuk Kelana, sama ada giliran perut hulu ataupun giliran perut hilir. Jika perut hulu tiada calon yang sesuai untuk menjadi Undang, giliran itu akan diserahkan kepada perut hilir walaupun perut hilir telah menyandang pesaka itu pada musim sebelumnya. Kata muafakat di antara perut hulu dan perut hilir dapat menegakkan seseorang Undang tanpa menimbulkan krisis.

Di samping itu kegagalan Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka juga memanjangkan krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 ini. Berlakunya perbezaan pendapat di kalangan empat Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai merumitkan lagi kemufakatan melantik Datuk Kelana. Ini membuatkan anak-anak waris kehilangan punca rujukan kerana Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai sendiri bercanggah pendapat antara satu sama lain. Sepatutnya Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai perlu menjadi orang tengah dan melaksanakan tanggungjawab dengan tegas dan amanah agar anak-anak waris dapat mematuhi dan menghormati segala keputusan yang dibuat dan akan lebih memudahkan perlantikan dan pemilihan pesaka Datuk Kelana tersebut.

Di samping itu ketokohan seseorang calon yang dikemukakan itu juga amat penting. Calon yang akan syarat yang diperlukan oleh seseorang pemimpin (Undang). Oleh itu tidak ada waris yang dapat mempertikaikan lagi ketokohan seseorang calon yang dikemukakan itu. Di sini peranan Tua Waris adalah penting untuk menentukan calon yang berwibawa. Ini kerana seorang Undang bukan sahaja dilihat kepada keturunannya tetapi pada kebolehan, kebijaksanaan di dalam memerintah, pengetahuan agamanya, pengetahuan di dalam adat malah dari segi ekonominya juga perlu diambil kira.

Menurut Teromba Sungai Ujong kebiasaan benih dan cucu-cicit Undang atau Lembaga, atau benih datuk-datuk, jika tiada nisab dan bangsa tiadalah boleh menjadi Undang, melainkan waris kepada negeri mula asal perut pada perempuan tetapi tidak menjadi Undang melainkan ada syarat memerintah. Oleh itu nisab Datuk Kelana Sungai Ujong bukan orang sembarangan yang oleh menjadi Datuk Kelana.

5.3 KESIMPULAN

Krisis ini boleh diselesaikan jika ada kerjasama dan tolak ansur daripada mereka yang terlibat. Anak-anak waris mesti berpegang pada pepatah adat ini:

Bulat air kerana pembuluh

Bulat kata kerana muafakat

Segala kemusykilan patutlah dibentangkan dan diselesaikan secara aman, agar tiada lagi tuduh menuduh di

dalam rumpun dan anak waris. Bagi mereka yang berkuasa di dalam pemilihan Undang ini seperti Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, Lembaga Tiang Balai, mereka mestilah menjalankan kuasa yang diberikan kepada mereka. Mereka tidak boleh berat sebelah malah tidak boleh tunduk kepada anak-anak waris yang tidak mengikut peraturan.

Dewan Keadilan dan Undang hendaklah berpegang teguh di atas ketetapan yang telah dibuat. Ini bermaksud Dewan memperakukan kebulatan yang telah dibuat oleh waris di darat bahawa giliran pesaka Datuk Kelana Putera kali ini jatuh keperut hulu. Keputusan Dewan ini adalah muktamad. Segala bantahan-bantahan yang dibuat oleh anak-anak waris tidak akan menjejaskan keputusan Dewan.

Di samping itu jika diteliti krisis perlantikan Undang ini berpunca dari waris Datuk Kelana sendiri. Mereka tidak mahu bersatu malah di kalangan mereka juga ramai yang tidak faham tentang perjalanan adat. Walaupun ada yang faham tetapi mereka cuba untuk mencari kepentingan mereka sendiri. Apatah lagi bagi mereka yang kurang faham juga cuba untuk mencari keuntungan, ini lebih mengusutkan lagi kesatuan anak-anak waris tersebut.

Akibat daripada tidak faham tentang adat ini berbagai-bagai masalah timbul terutama daripada generasi-generasi baru yang ingin memegang jawatan di dalam adat. Mereka berfikir bahawa jawatan di dalam adat ini sama dengan jawatan yang diberikan oleh kerajaan, malah mereka ingin

memasukkan unsur-unsur moden di dalam jawatan adat ini. Mereka tidak mengetahui tentang masyarakat adat dan peraturan-peraturannya. Kejahilan mereka tentang adat inilah maka mereka sanggup melontarkan beberapa tuduhan terhadap waris Datuk Undang dan juga meragui kesahihan Teromba Sungai Ujong yang telah berzaman digunakan oleh anak-anak waris dan Undang Sungai Ujong. Jika mengikut adat perkara ini bermakna derhaka. Anak-anak waris derhaka. Akibat daripada anak-anak waris derhaka ini segala masalah sukar untuk diselesaikan. Anak-anak waris mestilah patuh kepada keputusan Dewan Keadilan dan Undang serta Lembaga Tiang Balai.

Di samping itu Lembaga Tiang Balai juga tidak mematuhi peraturan-peraturan adat. Ini juga menjadi punca mengapa anak-anak waris bertelingkah kerana Datuk-datuk adatnya juga mengingkari segala yang diamanahkan kepada mereka. Segala perjalanan adat tentang perlantikan Undang ini tidak dipatuhi malah di antara mereka berlaku percanggahan pendapat yang tidak boleh diselesaikan.

Oleh itu jalan terakhir untuk menyelesaikan krisis perlantikan Datuk Kelana ini hanyalah dapat diserahkan kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan. Dewan mestilah bermuafakat dan menentukan siapakah calon Undang yang layak menyandang pesaka tersebut, serta keputusan Dewan adalah muktamad dan mesti dilaksanakan oleh anak-anak waris tanpa ada rasa tidak puas hati di kalangan mereka.

Nak orang di kampung Pulaui
Singah lalu kepalo koto

Di mana kusut nakkan selesai
Ujung jo pangkal tak bersuo

Di mana kain ke baju
Digunting tidaklah sedang
Dah terkenak maka diungkai

Di mana negeri hendak maju
Adat sejati nanlah hilang
Dahan jo ranting nan dipakai

Dek ribut runduklah padi
Cupak Datuk Ketemenggongan
Hidup kalau tidak berbudi
Duduk tagak kemari condong

GLOSARI

Abih	-	Habis
Bakarelahan	-	Berkerelaan
Baagieh	-	diberi
Bacarai	-	Bercerai
Barek	-	Berat
Bagantung	-	Bergantung
Balindung	-	Berlindung
Basanda	-	Bersenda
Baselo	-	Bersela
Indak	-	Tidak
Koto	-	Sekumpulan rumah tempat tinggal bersama yang mempunyai peraturan kesetiaan daerah itu
Korong	-	Kampung
Kamangulang	-	Berulang
Memagang	-	Memegang
Nagari	-	Negeri
Pasa	-	Pasar
Sajinjiang	-	Sejinjing
Sapariuk	-	Seperut
Sapikua	-	Sepikul
Sapuah	-	Sepuh
Sumando	-	Suami dari kakak/adik
Taratak	-	Desa yang jauh terpencil
Urek	-	Akar

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman bin Hj Mohd. 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih. K. Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1987. Takhta Kerajaan Negeri Sembilan. K.L.: Utusan Printcorp SDN. BHD.
- _____. 1968. Negeri Sembilan Sejarahnya. K.L.: Utusan Melayu Berhad.
- Abdullah Sidik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. K.L.: Universiti Malaya.
- Amir M.S, 1987. Tonggak Tuo Budayo Minang. Jakarta: Penerbitan Karya Indah.
- Batuah, A.M. Datuk Maruhun dan Tanameh. 1954. Hukum Adat Dan Adat Minangkabau. Djakarta: Poesaka Asli.
- H. Idrus Hakimy Dt Raja Penghulu. 1986. 1000 Pepatah-Pepatih, Manang-Bidal, Gurindam. Bandung: Penerbitan Remadya.
- Kato, Tsuyoshi. 1982 asal. 1984. Nasab Ibu Dan Merantau Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia. (Terjemahan Azizah Kassim). Cetakan Semula 1989. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Dahlan Mansor. 1970. Sejarah Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bharata.
- M. Nasron. 1971. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Penerbitan Bulan Bintang.
- Mokhtar Md Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. K. Lumpur: Federal Publications SDN. BHD.
- Mochtar Naim. 1979. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Marsden, W. 1966. The History of Sumatera. J.M. Greeny
London. Cetakan Semuala 1966. Kuala Lumpur:
Oxford University Press.
- M. Rasjid Manggis Dt Radjo Panghoeloe. 1982. Sejarah Ringkas
Minangkabau Dan Adatnya. Jakatra: Penerbitan
Mutiaras.
- _____. 1971. Minangkabau. Padang: Penerbitan
Sridharama.
- Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. K.L.: Utusan
Publications and Distributors SDN. BHD.
- _____. 1978. Renungan. K. Lumpur: Utusan
Publication & Distributors SDN. BHD.
- Shahba. 1951. Pusaka Naning. K. Pilah: The Sentosa Store.
- _____. 1956. Pahlawan Dol Said Naning. K. Pilah:
The Sentosa Store.
- Wilkinson R.S. 1911. Notes on Negeri Sembilan. Terbit Semula.
Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zakiah Hanum. 1988. Asal Usul Nama Negeri-Negeri Di Malavsia.
K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teromba Sungai Ujong, Tiada Tarikh.
- SEMINAR**
- Khoo Kay Kim. 1974. "Sistem Politik Negeri Sembilan." Seminar
Persejarahan dan Adat Perpatih.
- Md. Sharif Fakeh Hasan. 1974. "Sejarah Kedatangan Adat
Perpatih. Seremban: Seminar Persejarahan dan
Adat Perpatih.

Nordin Selat. 1974. Pemimpin Dalam Adat Perpatih. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

Norhalim Hj Ismail. 1989. The Negeri Sembilan Adat Through
Time With Special Reference To Rembau.
University of Kyoto, Jepun: Kertas Kerja Malay
Seminar.

Shamsul Amri. 1974. Politik Adat Perpatih. Seremban:
Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih.

JOURNAL

Gullick S.M. 1949. "Sungai Ujong." Journal of The Malayan
Branch of The Royal Asiatic, Vol. XXII,
Pt. 11.

Winstedt R.O. 1934. "Negeri Sembilan : The History Polity and
Belief of The Nine States." JMBRAS, 12(3).

_____. 1954. A Digest of Customary Law From Sungai
Ujong. JMBRAS, Vol. XXVII, Pt. 3.

MAJALAH

Salamiah Ismail. 1983. "Kuasa Undang Bak Durian Beruang-ruang,
Bak Sawah Berlopak-lopak." Dewan Budaya. Mac
1983.

AKHBAR

Bustamam Ahmad. "Sejarah Pesaka dan Warisan." Berita Harian.
12hb. Feb. 1987. Hal. 14.

_____. "Kumpulan Perut Kesal Tindakan Perut Hilir." Berita Harian. 13hb. Dis. 1986. Hal. 12-13.

_____. "Keputusan Dewan Keadilan Mungkin Tidak Berganjak." Berita Harian. 11hb. Mac 1988. Hal. 11.

_____. "Tujuan Halang Percubaan Perlantikan." Berita Harian. 17hb. Sept. 1987. Hal. 13.

KAMUS

Marah Rusmali dan Rakan-rakan. 1985. Kamus Minangkabau-Indonesia. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Department Pendidikan dan Kebudayaan, Jakarta.

TEMUBUAL

Nama : Encik Razali Khalid
 Umur : 58 tahun
 Pekerjaan : Pesara Ahli Bomba
 Jawatan Dalam Adat : Datuk Johan
 Alamat : Kampung Pelegong, Batu 8, Jalan Labu, Seremban, Negeri Sembilan.
 Tarikh Temubual: 24hb. Nov. 1991.

Nama : Tuan Hj. Muhamad Tainu
 Umur : 56 tahun
 Pekerjaan : Pengarah Penyelidikan Budaya, Negeri Sembilan
 Alamat : Pejabat Pengarah Penyelidikan Budaya, Seremban, Negeri Sembilan
 Tarikh Temubual: 20hb. Feb. 1992.